

Headline	Paderi Andrew perlu hormati mahkamah		
MediaTitle	Kosmo		
Date	09 Jan 2014	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	5	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	275 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,391
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,173



Paderi Andrew perlu hormati mahkamah

PETALING JAYA – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad semalam meminta pengarang majalah mingguan *The Herald*, Paderi Lawrence Andrew supaya menghormati keputusan mahkamah berhubung penggunaan kalimah Allah dalam kitab Injil berbahasa Melayu.

Beliau menegaskan, paderi itu perlu menghormati sensitiviti masyarakat Islam di negara ini sebagaimana umat Islam menghormati agama lain.

"Yang rujuk kes ini ke mahkamah adalah mereka tapi bila mahkamah buat keputusan mereka tak peduli. Apa jadi kalau masyarakat tak hormat keputusan mahkamah?"

"Penggunaan kalimah Allah di Sabah dan Sarawak telah lama, tak apalah, tapi di sini apa sebab tiba-tiba nak gunakan?" soal Dr. Mahathir ketika ditemui pemberita selepas menyampaikan ucaptama pada seminar Pengarah-Pengarah Korporat Tabung Haji di Kelana Jaya di sini.

Beliau mengulas kenyataan Andrew pada 27 Disember lepas bahawa gereja Katolik di Selangor akan terus menggunakan kalimah Allah dalam perhimpunan mingguannya dalam bahasa Melayu meskipun Jabatan Agama Islam Se-



DR. MAHATHIR (kiri) bersalaman dengan peserta yang hadir pada majlis perasmian Seminar Pengarah-Pengarah Korporat Tabung Haji di Kelana Jaya, Selangor semalam.



Paderi pertahan guna kalimah Allah di gereja

SHAH ALAM – Pengarang *The Herald*, Paderi Lawrence Andrew (gambar) mengatakan dia tidak sahaja wajib mentaati masuk ke dalam gereja tetapi juga wajib mengurangkan hal ehwal agama masyarakat.

Paderi itu mengesahkan pendiriannya bahawa ia tidak setuju dengan Perlembagaan II Perlembagaan Dewan Undangan Negeri Selangor yang melarang penggunaan kalimah Allah dalam perhimpunan mingguannya.

Ia mengatakan dia mengesyekkan agama masing-masing. "Tidak ada sebarang perbedaan isi hukum Artikel II Perlembagaan Persekutuan turut mengelakkan individu untuk menggunakan kalimah Allah mengurangkan hal ehwal agama masyarakat."

"Kita tidak boleh menganggap agama lain apa yang perlu dibantah. Kita perlu menghormati agama Hindu, Budha dan Sikh apa yang perlu dibantah."

Saya tidak boleh suka apa-apa tentang agama lain," katanya.

KERATAN Kosmo! semalam.

langor (JAIS) menghantar notis peringatan mengenai larangan penggunaan kalimah itu oleh bukan Islam.

Kenyataan beliau telah menimbulkan bantahan pelbagai pihak dan umat Islam terutama di Selangor dan kelma-

rin, Andrew menegaskan tidak akan memohon maaf seperti yang didesak oleh beberapa pertubuhan bukan kerajaan.

Dr. Mahathir mengingatkan bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang aman walaupun mempunyai rakyat pelbagai agama serta kaum dan ini perlu dikekalkan dengan mengelak melakukan perkara yang menyentuh sensitiviti agama lain. – Bernama